

Ulasan Buku: Media dan Masyarakat Muslim

Nordiana Zainuddin

Pensyarah Komunikasi, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.

Mohd Yusof Hussain, *Media dan Masyarakat Muslim*, Pusat Kajian, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2006, ISBN 983-3855-08-3, 259 muka surat.

Media sememangnya diakui memberi pengaruh besar dalam kehidupan masyarakat bertamadun. Secara keseluruhan buku ini menganalisa sejarah dan perkembangan media terhadap orang Islam di Asia dan benua Arab. Kajian dan analisis teliti seramai tujuh orang tokoh komunikasi yang terdiri daripada nama-nama besar iaitu Jamil Farooqui, Mohd Yusof Hussain, Mahmoud M. Galander, Amran Baharum, Che Mahzan Ahmad, Mohd Safar Hashim dan Saodah Wok diterjemahkan dalam bentuk 10 bab yang menyentuh secara empirikal komunikasi semasa zaman permulaan dakwah Islam oleh Nabi Muhammad sehingga cabaran kontemporari yang perlu ditangani pada masa kini di Asia dan negara Arab.

Bab 1 menganalisis kelemahan dan kekuatan orang Islam dalam berkomunikasi. Muslim tidak dibezakan melalui kumpulan etnik dan lokasi geografi tetapi ideologi yang dianuti. Namun begitu permulaan kebangkitan Islam disekat oleh ikatan kabilah, pemujaan dan penyembahan berhala dan tradisi aristokratik. Penerimaan sosial dalam masyarakat adalah berdasarkan status yang dimiliki, kuasa dan keberanian seseorang. Kedatangan Islam yang menghapuskan tradisi kurafat dan meletakkan kedudukan manusia sebagai makhluk dan hamba Allah di dunia menyatukan semua manusia. Sumber ilmu adalah daripada Al-Quran, sunnah dan hadis serta ijtima'. Perkembangan ilmu dan maklumat secara sistematik ketika pemerintahan Khalifah Umar, Umayyah dan Abbasiyyah dipengaruhi oleh 3 faktor penting iaitu institusi utama, golongan elit yang berpendidikan agama dan rejim negara. Institusi utama sangat mempengaruhi masyarakat kerana golongan ini mempunyai kaitan secara langsung dengan keluarga, kumpulan tertentu, keturunan puak dan kejiranan. Golongan elit yang mendapat pendidikan agama pula dikategorikan sebagai golongan yang berjiwa besar, kualiti moral yang tinggi, menguasai pengetahuan agama, ulama dan golongan ahli sufi. Rejim negara pula dikelaskan sebagai askar nomad dan etnik, hamba dan angkatan tentera yang lain, birokrat dan pentadbir 'quasi-feudal'.

Mohd Yusof Hussain telah mengkaji penggunaan dan makna istilah komunikasi dalam al-Quran. Antara yang direkodkan adalah ittisal (untuk membawakan) 28:51, qul

(berkata) 12:5, nabba'a (untuk memaklumkan) 12:37, kataba (untuk menulis) 24:33, sami'a (untuk mendengar) 7:204. Tujuan komunikasi yang dinyatakan berdasarkan al-Quran dinyatakan dengan jelas seperti untuk menyampaikan berita gembira seperti dalam ayat "Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar" (Al-Baqarah, 2:155) dan untuk mencegah manusia melakukan kesalahan seperti dalam ayat "Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya" (Ali Imran, 3:104). Kajian makna dan tujuan komunikasi mampu memberi pemahaman yang lebih mendalam bukan sekadar membaca al-Quran dalam bahasa Arab tanpa memahami makna yang disampaikan.

Bab 4 sehingga Bab 10 menganalisis permulaan media dan perkembangannya di Asia termasuk Malaysia. Media tradisional di Semenanjung Malaysia pada ketika itu dibahagikan kepada 3 tujuan iaitu untuk menyampaikan maklumat, untuk hiburan dan untuk pendidikan. Untuk menyampaikan maklumat, ketuk-ketuk dan beduk diketuk untuk tujuan keagamaan dan sosial. Berita kematian, kecemasan, waktu solat dan waktu berbuka puasa di bulan Ramadhan disampaikan dengan cara mengetuk peralatan ini. Sebagai hiburan pula tarian seperti joget gamelan yang dikhususkan kepada golongan kerabat diraja Pahang dan Terengganu dipersembahkan ketika upacara pertabalan, pertunangan dan tidak melibatkan sebarang dialog, monolog atau nyanyian. Rakyat marhaen juga mempunyai hiburan sendiri contohnya wayang kulit, Mak Yong dan Silat Pulut. Perkembangan Islam di Malaysia telah membawa pengaruh hadrah, rodah dan berzanji yang berkisar mengenai lagu puji-pujian terhadap Allah dan Nabi Muhammad. Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis dikenali sebagai negeri yang mempunyai penglipurlara yang digelar sebagai 'Tok Selampit' atau 'Awang Batil'. Mereka menggunakan rebab sambil menceritakan cerita-cerita rakyat. Untuk tujuan pendidikan, masyarakat merujuk kepada orang alim untuk mendapatkan ilmu berkaitan tauhid, fiqah dan tasawuf. Orang alim akan membacakan kitab dan menerangkan maksud ayat demi ayat kepada masyarakat setempat.

Amran Baharum yang menganalisis perkembangan terkini media Malaysia mendapati reformasi yang dilancarkan oleh penyokong Anwar Ibrahim pada 1998 menyaksikan pembentukan kumpulan wartawan bebas yang berpunca daripada ketidakpercayaan masyarakat terhadap suratkhbar arus perdana. Boikot terhadap suratkhbar ini dilancarkan, laman web diwujudkan dan dikenali sebagai media alternatif. Harakah sebagai suratkhbar rasmi PAS mengisi kekosongan itu dan mengumpul reputasi sebagai akhbar

yang sangat dipercayai pada ketika itu. Kementerian Dalam Negeri yang menyedari ancaman Harakah telah menghadkan penjualannya hanya kepada ahli PAS sahaja, mengurangkan kekerapan penerbitan daripada 2 minggu sekali kepada 2 kali sebulan sahaja dan menahan Zulkfli Sulong selaku editor Harakah di bawah Akta Hasutan (1948) kerana menerbitkan artikel berbaur hasutan terhadap kerajaan. Namun begitu Harakah versi Internet tidak dikenakan sebarang tindakan.

Jamil Farooqui mempersoalkan ketidakmampuan orang Islam memanfaatkan bilangan penganut yang besar dan penguasaan pasif media yang memihak kepada Muslim. Sebagai kumpulan agama kedua terbesar di dunia dengan anggaran 1.4 billion yang merupakan 1/5 populasi dunia Orang Islam sehingga kini gagal memenuhi kriteria minimum penggunaan media yang digariskan oleh UNESCO iaitu penggunaan 10 suratkhobar, 5 akta radio, 5 set televisyen dan 2 panggung wayang yang boleh memenuhi keperluan seramai 100 orang. Jamil berpendapat kegagalan orang Islam untuk mempunyai program TV dan radio yang berkesan dalam menterjemahkan imej dan daya saing peradaban mereka kepada dunia menyebabkan generasi baru gagal dipengaruhi dan disemai elemen peradaban kegemilangan Islam seperti pentadbiran Nabi Muhammad SAW, zaman Khalifah al-Rashidin, pemerintahan Umayyah dan Abbasiyyah. Ini mendorong masyarakat Islam membawa masuk program luar kerana mereka kekurangan teknologi untuk menghasilkan program bermutu, kurang peruntukan dana untuk menghasilkan program berskala besar, lemah dalam penguasaan linguistik dan tenaga kerja pakar. Kekangan media ini menyebabkan mereka tidak mampu menangkis imej buruk mereka yang dipaparkan oleh pihak lain. Inilah juga yang berlaku di Malaysia apabila siaran Astro 24 jam sehari mempromosikan lebih banyak program negara asing yang mempromosikan gaya hidup negara luar, nilai hidup dan kepercayaan luar, mempromosikan sukan yang diminati oleh orang Barat, menggalakkan isu yang menjadi fokus penonton Barat dan memaparkan filem yang tidak ditapis sepenuhnya hasil daripada global village yang dijangka oleh Marshall McLuhan pada awal 1960-an.

Secara keseluruhannya, walaupun buku ini lebih menumpukan kepada sejarah komunikasi dan penggunaan media ketika perkembangan tamadun Islam dan kurang menganalisis kesan serta perkembangan terkini media selain daripada suratkhobar di Malaysia dan hubungkait dengan orang Islam di Malaysia, kandungan buku ini banyak membuka minda dan merungkai banyak persoalan terutama perkembangan media ketika era kejatuhan Utusan Melayu. Kekuatan buku ini terletak kepada kemampuan sebahagian penulis yang menganalisis faktor yang menyumbang kepada kelemahan orang Islam yang kuat daripada segi kuantiti tetapi lemah untuk menjadi lebih maju dan menjadi kuasa

ekonomi lebih kuat pada hari ini dibandingkan kuasa Barat. Dalam konteks Malaysia, alasan Che Mahzan bahawa kesan global village dalam kalangan orang Islam di Malaysia masih terlalu awal pada waktu buku ini ditulis mungkin betul dan memerlukan lebih banyak kajian untuk dijalankan. Namun begitu fakta, hujah dan bukti kukuh semua penulis wajar dipuji kerana setiap artikel dihasilkan dengan tahap penganalisan maklumat yang cukup kritikal dan bermanfaat kepada sesiapa jua walaupun bukan daripada bidang komunikasi.